

Volunteer

Malaysia sasar tambah lagi sejuta ahli

KUALA LUMPUR 18 Dis. -

Pergerakan sukarela, Volunteer Malaysia di bawah kelolaan 1Malaysia For Youth (1M4U) menyasarkan penambahan ahlinya sebanyak sejuta orang pada tahun hadapan.

Ketua Pegawai Operasinya, Azlan Rudy Malik berkata, setakat ini, jumlah keseluruhan ahli sukarelawan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu adalah sebanyak dua juta orang.

"Kita tidak memberi penekanan terhadap jumlah sukarelawan yang berdaftar tetapi mementingkan tenaga jam kerja yang digunakan untuk membantu orang ramai dalam aktiviti yang dijalankan.

"Bagi tahun hadapan, pergerakan menyasarkan sebanyak 500,000 tenaga jam kerja melalui aktiviti yang diadakan dan buat masa ini kita dalam tempoh merancang aktiviti yang boleh memberi impak kepada peserta," katanya kepada pemberita pada majlis Penghargaan Volunteer Malaysia 2015 anjuran 1M4U di sini hari ini.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 75 pusat *outreach* di seluruh negara yang mengambil bahagian dalam program Volunteer Malaysia 2015 diberikan sijil penghargaan atas sumbangan dan khidmat bakti mereka.

Antara yang menerima penghargaan adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Persatuan Belia Dinamik Barat.

Sijil penghargaan telah disampaikan oleh Exco 1M4U, Datuk Irmohizam Ibrahim.

Mengenai program yang diadakan Volunter Malaysia, Azlan Rudy berkata, antara program kemuncak adalah membersihkan dasar laut yang mendapat penyertaan daripada golongan belia yang berminat melakukan aktiviti menyelam.

"Selain itu, kita juga mengumpul 1,801 kilogram bahan buangan yang boleh dikitar semula dan aktiviti ini mencatat peningkatan berbanding tahun lalu iaitu 1,207 kilogram.

"Malah, kita amat berbesar hati apabila ramai sukarelawan Malaysia dan juga antarabangsa bersatu menunjukkan sokongan masing-masing," ujarinya.